

PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

CABARAN DAN IMPAK PANDEMIK COVID-19

Impak pandemik COVID-19 ternyata sangat besar dan menyeluruh. Setiap individu serta masyarakat seolah-olah tidak dapat melarikan diri dari impak pandemik sama ada mereka adalah pengguna, pengeluar mahu pun kerajaan. Data statistik menunjukkan pandemik ini memberi kesan yang besar kepada banyak aspek seperti peningkatan harga, kadar pengangguran yang meningkat serta peningkatan perbelanjaan awam negara. Namun yang pastinya kumpulan yang paling terjejas semestinya mereka yang terdiri daripada kategori pendapatan B40 yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan telah menyebabkan bilangan kumpulan B40 bertambah dengan cepat akibat kehilangan punca pendapatan tetap. Keadaan sosioekonomi mereka pula rata-ratanya terjejas teruk bukan sahaja daripada aspek pendapatan bahkan tahap kesihatan, pendidikan dan emosi isi rumah. Anak-anak asnaf pula yang terpaksa belajar di rumah menghadapi tekanan mendapatkan peranti, gajet dan kemudahan Internet untuk pembelajaran. Tambahan pula, harga gajet semakin mahal dan kos langganan bulanan Internet juga sangat membebaskan kewangan mereka. Tahap kesihatan asnaf sama ada yang berbentuk fizikal mahu pun mental banyak yang terjejas. Keadaan ini semestinya memerlukan tambahan bantuan zakat untuk kos ubat-ubatan dan rawatan hospital. Justeru itu, cabaran semasa berkaitan pengurusan zakat semakin mencabar dan kompleks. Pihak institusi zakat bukan sahaja terpaksa mendepani peningkatan jumlah asnaf fakir dan miskin bahkan lebih mencabar lagi untuk mengumpulkan dana kutipan zakat untuk menampung peningkatan tersebut. Peranan institusi zakat menjadi lebih besar di samping kutipan zakat yang rata-rata berkurangan. Buku ini merupakan kompilasi artikel berkaitan zakat yang sebahagian besar artikel ini disumbangkan oleh para pelajar dalam Program Sarjana Ekonomi Islam dan Sarjanamuda Ekonomi (Modul Ekonomi Islam) di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus kajian zakat dalam buku ini adalah berkaitan dengan impak pandemik COVID-19 serta cabaran pengurusan zakat oleh institusi zakat di Malaysia umumnya dan Lembaga Zakat Selangor khususnya. Sebahagian artikel dalam buku ini menggunakan pendekatan yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu pendekatan statistik dan ekonometrik. Namun buku ini amat baik dijadikan sebagai bahan bacaan ilmiah oleh para pelajar, pensyarah, institusi zakat dan pengkaji ilmu ekonomi Islam terutamanya dalam bidang kajian zakat.

HAIRUNNIZAM WAHID, PhD. dan MOHD ALI MOHD NOOR, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.




PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA
CABARAN DAN IMPAK PANDEMIK COVID-19

disunting oleh
Hairunnizam Wahid
Mohd Ali Mohd Noor

PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA:

CABARAN DAN IMPAK PANDEMIK COVID-19

disunting oleh
Hairunnizam Wahid
Mohd Ali Mohd Noor



Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19

Siri Buku Zakat EKONIS-SID
Universiti Kebangsaan Malaysia

- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab & Muhammad Tajuddin Abdul Rahim. 2017. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu pendekatan analisis gelagat*. Bangi: EKONIS-UKM. ISBN 978-983-3198-98-6
- Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. 2018. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Kontemporari*. Bangi: EKONIS-UKM. ISBN 978-983-3198-99-3
- Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. 2019. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Perneriksaan dan Pengukuhan Tadbir Urus Institusi*. Bangi: EKONIS-UKM. ISBN 978-983-99223-7-0
- Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. 2020. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran COVID-19*. Bangi: EKONIS-UKM. ISBN 978-983-99223-9-4
- Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. 2021. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19*. Bangi: EKONIS-UKM. ISBN 978-967-18772-3-4

Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19

disunting oleh
Hairunnizam Wahid
Mohd Ali Mohd Noor

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2021

<http://www.ukm.my/fep>

Cetakan Pertama, 2021

Hak cipta Kluster Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Kluster Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS)
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://www.ukm.my/ekonis>
e-mel: ekonis@ukm.edu.my

Dengan Kerjasama

Unit Zakat UKM
Pejabat Unit Zakat UKM
Jabatan Bendahari, Aras 1, Masjid UKM
43600 Bangi, Selangor, Darul Ehsan, MALAYSIA
e-mel: infozakat@ukm.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh
UKM CETAK
UKM Holdings Sdn. Bhd.
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hairunnizam Wahid

Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19/
Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor,
1. Zakat. 2. Islam—Charities. 3. Islamic Giving. I. Mohd Ali Mohd Nor, II.
Judul

ISBN 978-967-18772-3-4

Kandungan

Kandungan ...5
 Sekapur Sirih...7
 Prakata ...8
 Senarai Penulis...10

BAHAGIAN PERTAMA

COVID-19 dan Impak Terhadap Asnaf Zakat

Bab 1 Impak Pandemik COVID-19 terhadap Kesenjangan Pendapatan dan Kemiskinan Digital dalam Pendidikan dalam Kalangan Asnaf B40 di Malaysia
Hairunnizam Wahid, Mohd Azlan Shah Zaidi & Mohd Ali Mohd Noor...13

Bab 2 Peranan Majlis Ugama Islam Singapura melalui Dana Zakat dalam Menangani Impak Pandemik COVID-19
Abdul Rahman Md Sahid & Hairunnizam Wahid ...41

Bab 3 Peranan Institusi Zakat dalam Memperkasakan Usahawan Asnaf secara Inklusif ketika Pandemik COVID-19: Kajian di Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak
Nurul Afiqah Samsuddin & Hairunnizam Wahid ...57

Bab 4 Kesan Pandemik COVID-19 terhadap Kemiskinan Digital dalam kalangan Asnaf B40: Kajian di Sungai Kantan, Selangor
Muhammad Firdaus Zulkefli & Hairunnizam Wahid ...71

Bab 5 Kesan Pandemik COVID-19 terhadap Kemiskinan Digital dalam kalangan Asnaf B40: Kajian di Sungai Besar, Selangor
Muhammad Izzad Md Riffaie & Hairunnizam Wahid...97

Bab 6 Peranan Pusat Zakat terhadap Kebajikan Golongan Asnaf B40 dalam kalangan Peniaga semasa Pandemik COVID-19: Kajian di Sabah
Fitri Nurmuhajir Isagani & Hairunnizam Wahid ...113

Bab 7 Peranan Institusi Zakat terhadap Usahawan Asnaf B40 semasa Pandemik COVID-19: Kajian di Kuala Lumpur
Mohamad Fahmi Mohd Razali & Hairunnizam Wahid ...143

Bab 8 Peranan Institusi Zakat dalam Membantu Golongan Asnaf Fakir dan Miskin akibat Pandemik COVID-19: Kajian di Negeri Sabah
Rusnisah Kubra & Hairunnizam Wahid...171

Bab 9 Peranan Pusat Zakat terhadap Kebajikan Golongan Asnaf B40 semasa Pandemik COVID-19: Kajian di Felda Sungai Sayong, Kulai, Johor
Nur Atiqah Mohd Tajul Urus & Hairunnizam Wahid ...203

Bab 10 Peranan Zakat Terhadap Kebajikan Golongan Asnaf B40 semasa Pandemik COVID 19: Kajian di Daerah Pontian, Johor
Siti Aisyah Umira Abdullah & Hairunnizam Wahid ...241

BAHAGIAN KEDUA *COVID-19 dan Impak terhadap Masyarakat*

Bab 11 Faktor Mempengaruhi Gelagat dan Niat Individu untuk Menyumbang Dana ketika Perintah Kawalan Pergerakan semasa Pandemik COVID-19
Mohd Syahmi Mat Daud, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ...271

Bab 12 Peranan Institusi Masjid dalam Meningkatkan Kesedaran Berinfak dan Berzakat ketika Pandemik COVID-19
Nur Naim Norazman, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ...281

Bab 13 Faktor Mempengaruhi Niat Berzakat ketika Pandemik COVID-19
Noraini Atsari, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor...307

Bab 14 Faktor Penentu Terhadap Niat Berinfak ketika Perintah Kawalan Pergerakan semasa Pandemik COVID-19
Intan Nadira Zulkafli, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor...331

Bab 15 Cadangan Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan dan Penggunaan Kadar Zakat: Kajian di Malaysia
Harisah Osman, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor ...351

Sekapur Sirih

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bismillahirrahmannirrahim. Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT atas limpahan nikmat dan rahmat-Nya.

Walaupun dalam suasana pandemik COVID-19 yang belum berakhir dan keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya, Unit Zakat UKM terus berusaha memainkan peranan utama dalam tadbir urus zakat demi memelihara kewibawaan Islam dan ummah. Tidak dinafikan juga, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh institusi zakat seluruh negara untuk mengekalkan tahap sosioekonomi asnaf melalui bantuan fizikal dan nasihat spiritual bagi memastikan asnaf yang terkesan dapat berkegiatan seperti mana biasa. Tambahan pula, beberapa siri wacana dan diskusi ilmiah terus dijalankan khususnya oleh pihak Unit Zakat UKM supaya program-program tersebut dapat memastikan masalah asnaf sentiasa dipelihara dan dapat merealisasikan idea-idea baharu penambahbaikan program secara berterusan. Alhamdulillah, rekod tadbir urus Pusat Zakat Selangor sehingga kini masih menunjukkan mereka masih dapat berdiri dalam keadaan yang sangat mapan ketika menghadap cabaran dan kesan baharu pandemik. Ini dibuktikan dengan kejayaan mereka menyelesaikan pelbagai permasalahan sosioekonomi asnaf khususnya yang berkaitan COVID-19. Kutipan zakat juga walau pun secara umumnya sedikit terkesan namun peranan Pusat Zakat Selangor dapat disempurnakan dengan baiknya.

Pengalaman institusi zakat menghadapi pandemik COVID-19 ini sepatutnya dijadikan landasan supaya institusi ini menjadi lebih kukuh untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Cabaran institusi ini pada masa hadapan dijangka akan lebih besar pasti memerlukan komitmen dan usaha yang lebih kuat dan konsisten. Justeru sekali lagi, Unit Zakat UKM dengan kerja sama pensyarah dan pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang sangat relevan dengan keperluan semasa yang bertajuk “Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19”.

Akhir kata, Unit Zakat UKM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua penyumbang makalah dalam buku ini. Kolaborasi di antara Unit Zakat UKM dan FEP UKM dalam menerbitkan buku ini adalah satu usaha yang sangat murni dan perlu diteruskan pada masa hadapan. Semoga usaha ini memberikan kebaikan dan mendapat keberkatan dunia dan akhirat.

Salam Hormat

Muhammad Tajuddin Abdul Rahim
Unit Zakat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prakata

Bismillahirrahmannirrahim. Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga serta para Sahabat Baginda SAW.

Impak wabak COVID-19 ternyata memberikan banyak kesan negatif kepada institusi zakat dan sosioekonomi asnaf. Bukan sahaja jumlah peruntukan terpaksa ditambah malah jenis-jenis bantuan kepada asnaf juga bertambah. Ini adalah kerana kesan pandemik adalah melata bukan sahaja kepada perbelanjaan harian isi rumah bahkan ia memberi kesan juga kepada pendidikan anak-anak, tahap kesihatan yang menurun serta pendapatan keluarga yang terjejas. Disebabkan pandemik, anak-anak asnaf terpaksa belajar di rumah dan mereka sangat-sangat bergantung kepada gajet dan kemudahan Internet. Tahap kesihatan asnaf juga banyak yang terjejas memerlukan bantuan tambahan ubat-ubatan dan kos rawatan hospital. Pendapatan isi rumah juga terjejas teruk sehingga melibatkan kehilangan punca pendapatan sepenuhnya. Kesemua ini memerlukan tambahan peruntukan yang besar dari institusi zakat. Walau pun dapat diperhatikan kerajaan ada memberikan pelbagai insentif kepada masyarakat namun ia masih tidak mencukupi.

Untuk melihat kesan pandemik dengan lebih dekat terhadap Institusi Zakat di Malaysia, Unit Zakat UKM dan FEP UKM telah berusaha menghasilkan sebuah buku bertajuk *Pengurusan Zakat di Malaysia: Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19*. Termasuk terbitan pada tahun ini, *Buku Pengurusan Zakat di Malaysia* telah diterbitkan selama lima tahun berturut-turut hasil gabungan penulisan pensyarah serta pelajar FEP dan pihak pengurusan UKM. Pada kali ini, buku ini memfokuskan kepada isu impak pandemik COVID-19 yang melanda negara umumnya dan terhadap asnaf zakat serta golongan B40 khususnya. Buku ini juga menghuraikan peranan institusi zakat dalam menangani isu tersebut. Isu-isu lain yang menarik berkaitan zakat seperti gelagat masyarakat Islam berinfak serta berzakat ketika pandemik ini serta cadangan pelaksanaan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) dengan merujuk kepada kadar zakat juga turut dibincangkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kami kepada semua penyumbang makalah sehingga buku ini berjaya diterbitkan khusus kepada penyumbang utama dana bagi penerbitan buku ini iaitu Unit Zakat UKM. Ucapan terima kasih juga kepada beberapa pihak di institusi zakat negeri yang telah membantu para pelajar mengumpulkan data, memberi khidmat nasihat dan menyantuni dengan mesra pelajar yang membuat penyelidikan. Bantuan dan sokongan ini, mudah-mudahan akan dapat menjadikan pelajar tersebut lebih proaktif, inovatif dan berdaya maju di masa hadapan. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak yang telah menyumbang geran kepada penyelidikan iaitu pihak CRIM UKM melalui geran LRGs (Kod Projek: MRUN-2019-001/5) serta Geran Kajian Kes (GKK) (Kod Projek: EP-2020-076).

Besar harapan kami agar buku ini memberikan sedikit panduan dan dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam suasana pandemik COVID-19 ini. Akhir kata, kami menyusun sepuluh jari memohon maaf di atas sebarang kekurangan dan kelemahan dalam buku ini.

Sekian, terima kasih.

Hairunnizam Wahid
Mohd Ali Mohd Noor

Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari (SID),
Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Senarai Penulis

- Abdul Rahman Md Sahid, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fitri Nurmuhajir Isagani, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hairunnizam Wahid, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Harisah Osman, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Intan Nadira Zulkafli, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohamad Fahmi Mohd Razali, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Ali Mohd Noor, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Azlan Shah Zaidi, PhD. Professor Madya, Pusat Kajian Pembangunan Inklusif & Lestari, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Syahmi Mat Daud, Pelajar Calon PhD, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Firdaus Zulkefli, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Izzad Md Riffaie, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noraini Atsari, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Atiqah Mohd Tajul Urus, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nur Naim Norazman, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurul Afiqah Samsuddin, Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rusnisah Kubra, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Aisyah Umira Abdullah, Pelajar Sarjana muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia